

**TEKS UCAPAN
YANG PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN
ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
DENGAN INSTITUT SUKAN NEGARA DAN SILTERRA MALAYSIA SDN BHD
PADA HARI SELASA, 8 MAC 2016, PUKUL 11:00 PAGI
DI DEWAN BANKUET, CANSELERI TUN ABDUL RAZAK, UMP PEKAN**

Saudara pengacara majlis;

Yang Berbahagia Dr Mohd Khairi Zawi,

Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Sukan Negara (ISN);

Yang Berbahagia Yang Berbahagia Encik Firdaus Abdullah

Ketua Pegawai Eksekutif, Silterra Malaysia Sdn Bhd;

Pegawai-pegawai kanan dari Institut Sukan Negara

dan Silterra Malaysia Sdn Bhd;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail,
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti);

Profesor Dr. Zulkefli Yaacob,
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat);

Encik Abd Rahman Haji Safie,
Pemangku Pendaftar;

Encik Zainuddin Othman,
Bendahari;

Haji Ruslan Che Pee,
Ketua Pustakawan;

Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff,
Dekan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Pusat
Tanggungjawab;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi;

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah*, sukaiah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu dalam majlis pada pagi ini.

2. Tatkala kita masih berada pada suku tahun pertama bagi tahun 2016 ini, saya amat bersyukur kerana kelihatannya bahawa tahun ini *Insyah-Allah* akan terisi dengan begitu positif dan konstruktif, apatah lagi melalui inisiatif-inisiatif yang bakal dilaksanakan hasil daripada pemeteraian persefahaman antara UMP dan ISN serta Silterra Malaysia Sdn Bhd sebentar lagi.

3. Justeru, bagi pihak pengurusan dan seluruh warga UMP, saya ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran delegasi ISN yang diketuai oleh Dr Mohd Khairi Zawi dan delegasi Silterra Malaysia Sdn Bhd yang diketuai oleh Encik Firdaus Abdullah ke Canseleri Tun Abdul Razak, UMP Pekan pada pagi ini.

4. Pada hemat saya, pemeteraian persefahaman antara UMP dan ISN serta Silterra pada pagi ini membuka lembaran baharu yang bermakna, bukan sahaja dalam konteks hubungan kedua-dua institusi ini sebagai agensi kerajaan, tetapi lebih menjurus kepada kolaborasi strategik dalam lapangan penyelidikan bagi manfaat bersama.

5. Maka itulah, UMP amat berbesar hati untuk menjalinkan kerjasama ini dengan pihak ISN serta Silterra memandangkan prospek manfaat daripadanya pada masa hadapan adalah amat luas dan tidak hanya terhad kepada skop yang dikenal pasti pada hari ini semata-mata.

6. Justeru, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan yang bertanggungjawab memudahcara persefahaman ini di pihak UMP hendaklah sentiasa berhubung rapat dengan pihak yang berkenaan di ISN dan Silterra demi memastikan kelestarian kolaborasi ini dengan turut melihat potensi pengembangannya.

KERJASAMA UMP-ISN

7. Yang Berbahagia Dato', tuan-tuan dan puan-puan,

Pada tahun ini, genaplah 14 tahun UMP berdiri sebagai sebuah Universiti Awam di Malaysia. Dalam kerangka pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang bermatlamat menjadikan UMP sebuah universiti teknologi terunggul, pihak pengurusan Universiti ini tercabar untuk mendefinisikan kegemilangan tersebut dalam konteks kemandirian, kewibawaan dan daya saing UMP sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi.

8. Dalam hubungan tersebut, keberanian untuk menampilkan perbezaan dalam pendekatan pemikiran dan pengurusan organisasi merupakan antara faktor yang membolehkan UMP muncul terbilang.

9. Walaupun secara umumnya, Universiti ini ditubuhkan dengan fokus terhadap bidang kejuruteraan, sains dan teknologi tulen, namun keupayaan untuk menampilkan keunikan yang inovatif melalui penyelidikan interdisiplinari yang berkait dengan bidang-bidang selain yang dinyatakan tadi mampu memberi impak yang besar kepada pencapaiannya jika dilaksanakan dengan cekap, terarah dan berkesan.
10. Maka itulah pada tahun 2011, apabila Kementerian Pengajian Tinggi memandatkan UMP untuk menerajui penyelidikan kejuruteraan sukan di Malaysia, Universiti ini melihat kepercayaan tersebut sebagai satu peluang lonjakan kegemilangannya.
11. Selaras dengan mandat tersebut, maka sebuah Makmal Inovasi Pembuatan, Mekatronik dan Sukan (iMAMS) telah diwujudkan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan UMP yang antara lain memberi fokus kepada penyelidikan berasaskan kejuruteraan untuk membantu atlet tempatan mencapai aras daya saing yang tinggi melalui pendekatan saintifik.

12. Walaupun seseorang atlet itu secara umumnya dinilai berdasarkan aspek pemakanan, kecergasan dan taktikal, namun perkembangan penyelidikan telah mendapati bahawa aspek kejuruteraan sukan juga signifikan dalam mempengaruhi prestasi atlet.

13. Oleh yang demikian, penyelidikan yang dilakukan di Makmal iMAMS di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan melihat aspek aplikasi teknikal matematik dan fizik untuk membantu menyelesaikan masalah dalam pembangunan sukan untuk membantu pencapaian atlet melalui rekabentuk peralatan, analisis pencapaian atlet, jaminan keselamatan peralatan, pembangunan alat bantu kejurulatihan dan sebagainya. Inilah peranan yang dimainkan oleh para jurutera sukan dalam mengkomplimentari aspek fisiologikal yang dilihat oleh saintis sukan.

14. Justeru, pemeteraian persefahaman antara UMP dan ISN pada petang ini adalah amat tepat pada masanya bagi mendukung aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi serta Kementerian Belia & Sukan untuk memartabatkan sukan tanah air melalui kerjasama strategik dan penyelidikan saintifik demi melahirkan atlet yang berprestasi tinggi.

14. Aspirasi tersebut didukung oleh dua skop persefahaman ini iaitu pertama, perkongsian kepakaran, pengetahuan dan pengalaman dalam bidang sains sukan, perubatan sukan, kejuruteraan, sains dan teknologi. Kedua, pengwujudan jalinan kerjasama melalui pembangunan penyelidikan sains dan kejuruteraan sukan.

KERJASAMA UMP-SILTERRA

15. Tuan-tuan dan puan-puan,

Saya juga amat sukacita kerana bersempena majlis pada pagi ini, UMP turut memeterai persefahaman dengan Silterra Malaysia Sdn Bhd dalam konteks kerjasama penyelidikan dan akademik berkaitan kejuruteraan industri.

16. Dalam hubungan tersebut, saya mengambil maklum daya usaha yang telah dirintis oleh Fakulti Kejuruteraan Pembuatan UMP melalui Profesor Dr. Zahari Taha sejak bulan Februari 2015 lagi untuk membentuk kerangka kerjasama dengan SilTerra Malaysia Sdn Bhd yang berjaya dimuktamadkan secara rasmi pada pagi ini.

17. Malah, sebelum pemeteraian memorandum persefahaman ini, saya difahamkan bahawa kerjasama UMP dengan SilTerra telah pun bermula melalui penganjuran kursus jangka pendek dalam Kejuruteraan Industri pada bulan Oktober 2015 yang melibatkan penyertaan kakitangan daripada Fakulti Kejuruteraan Pembuatan UMP dan SilTerra sendiri.
18. UMP melihat bahawa pemeteraian kerjasama dengan SilTerra ini menyediakan prospek yang luas dalam pelbagai lapangan, khususnya dalam bidang kerjasama yang telah dikenal pasti memandangkan SilTerra adalah antara peneraju industri pembuatan semikonduktor dan pemangkin kepada pelaburan teknologi tinggi di Malaysia.
19. Justeru saya percaya bahawa perkongsian kepakaran, pengetahuan dan pengalaman yang dihasratkan melalui memorandum persefahaman ini akan memberi nilai tambah yang tidak sedikit kepada kami di UMP untuk mengembangkan lagi penyelidikan dalam Kejuruteraan Industri, Kejuruteraan Pembuatan, *IC Design*, Pembangunan Perisian, Automasi dan Pembangunan Sumber Manusia serta lain-lain bidang yang berkaitan.

HARAPAN DAN KATA PENUTUP

20. Tuan-tuan dan puan-puan,

Cabaran buat UMP, ISN dan SilTerra selepas ini ialah untuk memastikan intipati persefahaman ini diterjemahkan secara kolektif dalam bentuk inisiatif dan projek dengan pulangan manfaat yang memberi impak kepada pembangunan prestasi sukan di negara kita. Ini tentunya menuntut komitmen yang tinggi daripada kedua-dua belah pihak.

21. Dalam konteks tersebut, saya percaya bahawa pegawai-pegawai bertanggungjawab di kedua-dua institusi ini telah pun melakar carta perbatuan dan *roadmap* bagi membawa kerjasama ini menurut koordinat yang telah ditetapkan sebagaimana yang dihasratkan.

22. Bagi maksud tersebut, saya bersama pihak pengurusan UMP sentiasa memberikan sokongan yang penuh terhadap apa jua inisiatif atau projek yang bersifat konstruktif daripada kerjasama ini untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.

23. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Dr. Mohd Khairi Zawi dan Encik Dirdaus Abdullah serta delegasi ISN dan SilTerra atas kunjungan dan pemeeteraian persefahaman pada pagi ini. Mudah-mudahan usaha yang digerakkan ini mendapat keberkatan dan dipermudahkan pula oleh Allah Ta'ala, *Amin*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah*,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.